

27/03/1997

Malaysia tidak abai industri pembuatan

Mahfar Ali in Tokyo

TOKYO, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada pelabur Jepun bahawa Malaysia tidak akan mengabaikan industri pembuatan ketika negara mengorak langkah dalam bidang teknologi maklumat dan industri nilai ditambah.

Walaupun Malaysia membangunkan industri perisian, masih ada keperluan bagi bidang perkakasan, katanya sebagai meredakan kebimbangan sesetengah ahli perniagaan Jepun yang mempunyai operasi pembuatan di Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, jenis pembuatan yang dijalankan boleh menggunakan teknik baru yang dibangunkan oleh multimedia selaras hasrat Malaysia ingin menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Walaupun negara telah mencapai kemajuan selepas melaksanakan program perindustrian, arah haluan di dunia sekarang menunjukkan bahawa pembuatan saja tidak mencukupi.

"Kita mengambil keputusan untuk menyertai bidang IT dan pada peringkat ini tidak ada mana-mana negara yang mempunyai kelebihan ke atas negara lain dalam bidang yang baru ini, dan kita berpendapat kita mempunyai peluang untuk berjaya.

"Sudah tentu kita tidak boleh melakukannya bersendirian. Kita masih memerlukan input daripada mereka yang lebih maju," katanya dalam pertemuan dengan kira-kira 100 ahli perniagaan Malaysia dan Jepun di sini.

Sesi itu yang dikendalikan oleh Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa, Datuk Dr Noordin Sopiee dianjurkan oleh Kedutaan Malaysia.

Dr Mahathir menjelaskan mengenai keperluan Malaysia menyertai bidang IT (teknologi maklumat) dan latar belakang yang membawa kepada keputusan untuk menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dr Mahathir menjemput syarikat Jepun supaya mengambil peluang daripada MSC.

Ketika sesi soal jawab, Dr Mahathir berkata, adalah menjadi sebahagian daripada rancangan bagi MSC dihubungkan dengan zon yang serupa yang dibangunkan di negara lain seperti Daerah Multimedia Khas Okinawa di Jepun.

Dr Mahathir, yang tiba semalam untuk lawatan rasmi empat hari, mempunyai aturcara yang sibuk hari ini bermula dengan majlis sambutan rasmi di Istana Tetamu Akasaka pagi ini.

Ini diikuti dengan istiadat menghadap dan santapan tengah hari dengan Maharaja Akihito di Istana Imperial.

Selepas menghadiri pertemuan meja bulat itu, Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani kontrak pembekalan bagi sistem monorel Kuala Lumpur.

Beliau mengunjungi Perdana Menteri Ryutaro Hashimoto, diikuti oleh perbincangan formal antara rombongan Malaysia dan Jepun.

(END)